

## Tinjauan Buku

### *Novel Berunsur Politik Kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian Bandingan*

Che Abdullah Che Ya

**Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016, 186 halaman,  
ISBN 978-983-46-1467-6**

Dari segi sejarahnya, Malaysia-Indonesia adalah entiti politik yang berada secara tersepadu dalam sebuah rantau yang disifatkan Wang Gungwu (2001) sebagai *borderless maritime world*. Dalam wilayah maritim tanpa sempadan ini, berlakunya proses difusi dan akulturasi budaya kesan daripada mobiliti manusia secara bebas. Ia diikuti dengan meluasnya pertukaran perdagangan dan mendalamnya interaksi budaya, bahasa dan agama. Sementara itu, sempadan wilayah politiknya yang bersifat “cair” menyebabkan pemisahan entiti politik di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain, berada dalam keadaan yang tidak begitu jelas. Difusi dan akulturasi tersebut membawa kepada berlakunya proses integrasi dan asimilasi secara mendalam dalam kalangan penduduk di rantau ini. Namun begitu, setelah hegemoni kolonial Barat bermula di kepulauan Nusantara, kedudukan geo-politiknya mula berubah. Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 menjadi titik tolak kepada pemisahan entiti politik secara tegas di rantau ini. Sementara proses dekolonisasi selepas Perang Dunia Kedua melahirkan dua buah negara moden yang wujud pada hari ini.

Sejak berjaya membebaskan diri daripada cengkaman penjajah, Malaysia dan Indonesia tidak sunyi pula daripada belunggu konflik dengan kemuncaknya berlaku pemutusan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara pada 16 September 1963. Detik hitam yang disusuli dengan gelora konfrontasi selama tiga tahun itu merupakan satu catatan sejarah yang tidak wajar diulangi oleh kedua-dua negara. Biarpun seringkali dilabelkan dengan pelbagai gelaran yang memperlihatkan keakraban hubungan seperti *negara bersaudara*, *negara tetangga* dan *serumpun*, namun hubungan Malaysia dan Indonesia sentiasa diulit pelbagai konflik yang menggugat sensitiviti rakyat kedua-dua buah negara. Namun kewujudan beberapa persamaan seperti keturunan, sejarah, bahasa, budaya dan agama menyebabkan hubungan kedua-dua negara dianggap istimewa dalam pelbagai aspek. Justeru, penelitian yang dijalankan Che Abdullah Che Ya menerusi buku *Novel Berunsur Politik Kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian Bandingan* ini, mampu mempertautkan elemen kebersamaan dalam kajian sastera Malaysia dan Indonesia khususnya melalui perbandingan novel-novel politik.

Konsepsi umum terhadap istilah “politik” lazimnya berlegar terhadap persoalan kuasa, pemerintahan, kerajaan, parti politik, perlakuan serta tindakan para pemimpin dan pengikut sesebuah pertubuhan politik. Pandangan tersebut hanyalah sebahagian daripada pengertian politik yang sebenar. Hakikatnya, istilah politik mencakupi pengertian dan tafsiran yang sangat luas yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Pengertian dan tafsiran terhadap apa yang berlaku dalam realiti politik, banyak dirakam para sasterawan lewat karya mereka. Ternyata wilayah kesusasteraan juga tidak terkecuali daripada menerima kesan dan pengaruh perkembangan serta perubahan dalam politik.

Buku *Novel Berunsur Politik Kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian Bandingan* yang dihasilkan Che Abdullah Che Ya merupakan sebuah penelitian ilmiah yang dilakukan dalam konteks bandingan. Buku ini mengangkat tema politik sebagai teras perbincangan.

Kandungan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2016 ini, rata-rata dapat dimanfaatkan para pembaca khususnya pelajar, sarjana, peminat sastera dan masyarakat umum yang cenderung mendekati kesusasteraan bertemakan politik terutamanya dalam konteks perbandingan Malaysia dan Indonesia.

Secara keseluruhannya, buku ini mengandungi enam bab. Bab-bab tersebut disusun secara tematik dengan setiap satunya menampilkan perbincangan dan analisis teks-teks pilihan bagi mencerminkan unsur-unsur politik yang wujud dalam novel-novel di Malaysia dan Indonesia. Sejumlah sepuluh buah novel dipilih oleh penulis untuk diperbincangkan; lima buah novel dari Malaysia dan selebihnya dari Indonesia. Kesemua novel pilihan dalam buku ini adalah novel-novel yang mewakili kedua-dua buah negara dalam tempoh dua dekad bermula 70-an sehingga 80-an. Novel-novel tersebut ialah *Juara* (1974) karya S. Othman Kelantan, *Buai Diayun Anak Dicubit* (1987) karya Marwilis Haji Yusof, *Tunggul-tunggul Gerigis* (1988) karya Shahnon Ahmad, *Tokoh Terpilih* (1988) karya Rahman Shaari, *Sutan Baginda* (1989) karya Shahnon Ahmad yang mewakili Malaysia. Sementara dari Indonesia adalah *Rojan Revolusi* (1971) karya Ramadhan K.H., *Pergolakan* (1974) karya Wildan Yatim, *Kubah* (1980) karya Ahmad Tohari, *Anak Tanahair Secercah Kisah* (1983) karya Ajip Rosidi, dan *Nyali* (1983) karya Putu Wijaya.

Dua sisi pendekatan dari bidang pengajian sains politik dimanfaatkan sebaiknya dalam penelitian ini. Dua sisi itu adalah pendekatan konflik dan pendekatan kuasa. Kedua-dua pendekatan bersesuaian untuk menerangkan tema politik yang mendasari kesemua novel yang dibincangkan dalam buku ini. Perbincangan terhadap novel berunsur politik sesuai menggunakan landasan konflik dan kuasa kerana wilayah politik itu sendiri berkisar di sekeliling persoalan percanggahan pendapat dan kepentingan antara anggota masyarakat. Selain itu isu politik turut melibatkan pertelingkahan kekuasaan seperti perebutan dan penyelewengan. Perkara seumpama ini menjadi punca tercetusnya pelbagai konflik seperti pertentangan dan permusuhan serta munculnya idea untuk menyelesaikan konflik tersebut. Pendekatan kuasa dan pendekatan konflik ini menjurus ke arah proses dan kelakuan sebenar politik. Maka dilihat akan kesaksamaannya untuk digunakan sebagai alat menekuni sesebuah novel yang membawa masuk ragam politik.

Prakata buku ini menyediakan latar belakang kemunculan sepuluh buah novel yang diperbincangkan dalam bab-bab seterusnya. Bahagian ini juga bertindak sebagai asas kefahaman bagi pembaca mengikuti perbincangan buku ini selanjutnya. Ia menerangkan kemunculan dan perkembangan novel-novel berunsur politik selari dengan perkembangan politik di Malaysia dan Indonesia.

Bab pertama buku ini mengajukan kepelbagaian takrifan politik dan hubungannya dengan kesusasteraan. Berangkat dengan judul *Sastera dan Politik: Suatu Sorotan*, penulis meneliti sudut pandang tentang takrif politik berdasarkan fahaman tokoh-tokoh falsafah dan sarjana dalam bidang yang terkait antaranya seperti Plato, Aristotle, Hoogerwerf dan Ball. Bab ini turut membahaskan pendekatan yang dipilih dan dimanfaatkan untuk berdialog tentang sepuluh novel pilihan buku ini.

Dalam bab dua yang bertajuk *Politik dalam Novel Malaysia dan Indonesia*, mengemukakan maklumat dan huraian tentang perkembangan novel berunsur politik di Malaysia dan Indonesia sejak dari awal hingga kajian dijalankan. Berdasarkan pengamatan penulis, secara umumnya kebanyakan novel hanya membicarakan permasalahan politik secara tidak langsung. Sejak zaman selepas perang hingga ke penghujung tahun-tahun 1980-an, dianggarkan sebanyak 60 buah novel dihasilkan penulis Indonesia (termasuk 10 buah novel

gubahan Pramoedya Anantar Toer yang kemudian diharamkan di Indonesia). Sementara itu di belahan Malaysia, dihasilkan sekitar 50 buah novel dalam tempoh yang sama. Kedua-dua negara kelihatannya membentang jumlah novel yang hampir setara. Daripada jumlah tersebut, di Indonesia sebanyak 23 buah novel berunsur politik dihasilkan termasuk empat buah novel karya Pramoedya Anantar Toer. Di Malaysia pula 12 buah novel berunsur politik dihasilkan dalam jangkamasa yang sama. Bab ini merumuskan bahawa novel berunsur politik di Indonesia pada dekad 70-an dan 80-an lebih cenderung kepada tema perjuangan menuntut kemerdekaan dan zaman revolusi. Ia memperlihatkan perbezaan daripada novel politik di Malaysia yang lebih memberi tumpuan terhadap situasi politik yang melanda negara pada waktu itu misalnya krisis kepimpinan, politik wang dan isu kafir mengkafir.

Bab tiga buku ini meneliti pendekatan konflik yang dikemukakan oleh pengarang. Di bawah tajuk *Ideologi dan Pertentangan*, pengarang menganalisis konflik, pertentangan dan tindakan yang tercetus dalam kalangan masyarakat Malaysia dan Indonesia. Dalam membicarakan persoalan ini, penulis merumuskan pertentangan tersebut berdasarkan analisis terhadap empat buah novel yang dianggap membincangkan ideologi dan parti politik secara langsung. Novel-novel tersebut ialah *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Anak Tanahair Secercah Kisah*, *Pergolakan* dan *Kubah*. Menurut penulis, novel-novel lain hanya menyentuh ideologi dan parti politik secara tidak langsung. Penekanan dalam novel-novel tersebut lebih memberi tumpuan kepada unsur konflik lain seperti perebutan dan penyelewengan kuasa, kepimpinan dan pertelingkahan dalaman sesebuah pertubuhan politik. Dalam mengukuhkan penjelasan terhadap tema pertentangan berkenaan, penulis menonjolkan kecenderungan tersebut melalui analisis dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis* dan *Anak Tanahair Secercah Kisah*. Pertentangan antara fahaman komunisme dengan ajaran Islam pula diperdalami menerusi novel *Kubah*, *Anak Tanahair Secercah Kisah* dan *Pergolakan*. Novel *Pergolakan* mengambil pertimbangan akan isu pertentangan fahaman agama yang berlaku antara watak-wataknya. Perselisihan bagi memperoleh dan mempertahankan kuasa banyak dibentangkan dalam *Buai Diayun Anak Dicubit* dan *Tokoh Terpilih*. Sementara perbantahan antara rakyat bawahan dengan pemimpin sangat ketara dalam novel *Rojan Revolusi*. Selain itu, penulis turut memaparkan unsur pemberontakan melalui analisisnya terhadap novel *Nyali*. Novel Putu Wijaya, *Nyali* masih merakam latar kekejaman seperti yang turut menguasai novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Pergolakan*, *Anak Tanahair Secercah Kisah*, dan *Juara*. Unsur ideologi dan pertentangan disingkap penulis dalam aspek yang rencam bagi memperlihatkan kepelbagaian tema dan persoalan berdasarkan novel-novel yang dipilih.

Penulisan dalam bab empat tertumpu kepada tema kepimpinan. Bab ini mengungkap perlakuan pemimpin politik dalam pelbagai aspek. Antara aspek penelitian ialah perlakuan dan tindakan dalam mendapatkan atau mempertahankan kekuasaan yang dimiliki. Selain itu persepsi pengarang novel terhadap para pemimpin di negara masing-masing turut dibincangkan. Analisis penulis mendapati bahawa hampir kesemua novel membicarakan persoalan pemimpin dan kuasa, sama ada secara langsung ataupun sebaliknya. Novel *Nyali* diangkat sebagai karya yang paling jelas menampilkan penyelewengan kuasa dan kekejaman yang dilakukan oleh pemimpin tertinggi sebuah wilayah. *Anak Tanahair Secercah Kisah*, *Kubah* dan *Pergolakan* menampilkan perebutan dan penyelewengan kuasa yang dilakukan oleh Parti Komunis Indonesia, manakala *Rojan Revolusi* pula membawa masuk pelbagai perlakuan pemimpin selepas tamat revolusi. Dalam konteks Malaysia, novel *Juara* memperaga latar perebutan kuasa yang lebih bersifat domestik misalnya di peringkat cawangan dan bahagian parti politik. Hal yang mirip turut diajukan dalam *Tunggul-tunggul Gerigis*. Manakala sebuah lagi novel Shahnnon Ahmad, *Sutan*

*Baginda* bersama-sama *Tokoh Terpilih* dan *Buai Diayun Anak Dicubit* pula memaparkan perebutan kuasa di peringkat yang lebih tinggi. Perbincangan turut mencakupi dimensi pemeragaan imej pemimpin yang dibawakan pengarang kedua-dua negara dekad 70-an dan 80-an. Imej pemimpin kejam umpamanya terpancar melalui karya *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nyali*, *Pergolakan* dan *Anak Tanahair Secercah Kisah* manakala imej pemimpin gilakan kuasa diperlihatkan melalui novel *Sutan Baginda*, *Anak Tanahair Secercah Kisah*, *Buai Diayun Anak Dicubit*, *Nyali* dan *Tokoh Terpilih*. Imej pemimpin rasuah pula ditonjolkan melalui karaya *Rojan Revolusi* dan *Tokoh Terpilih*. Disamping itu imej penyelewengan kuasa pemimpin diperlihatkan dalam novel *Rojan Revolusi*, *Nyali*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Kubah* dan *Juara*. *Rojan Revolusi*, *Sutan Baginda* dan *Tokoh Terpilih* pula menggambarkan imej pemimpin yang melakukan maksiat berbanding hanya novel *Buai Diayun Anak Dicubit* menampilkan imej pemimpin yang positif.

*Penyelesaian Konflik dan Kesan Politik* yang menjadi judul bab lima mencakupi perbincangan terhadap aspek penyelesaian yang tercetus dan kesan yang diterima oleh masyarakat akibat konflik dan perlakuan politik yang wujud. Dalam mengungkapkan tema ini, penulis membahagikan skop perbincangan kepada beberapa aspek. Perbezaan ideologi politik sehingga mencetuskan permusuhan antara anggota masyarakat misalnya diperlihatkan melalui analisis novel *Tunggul-tunggul Gerigis* dan *Anak Tanahair Secercah Kisah*. Malah akibat pergolakan politik yang berlaku, masyarakat mengalami perpecahan seperti apa yang dibentangkan penulis berdasarkan analisis yang dilakukannya terhadap novel *Juara* dan *Anak Tanahair Secercah Kisah*. Sementara itu novel *Nyali* dianggap paling banyak melukiskan keadaan rakyat yang menjadi mangsa pertentangan antara pendukung pembangkang dengan kerajaan. Penelitian penulis ke atas novel *Pergolakan* merumuskan kesan yang diterima masyarakat akibat pertentangan yang berlaku. Kemarahan masyarakat umum terhadap tindakan Parti Komunis Indonesia misalnya dimuatkan dalam novel *Anak Tanahair Secercah Kisah* dan *Pergolakan*. Pelbagai kekejaman dan tekanan yang dilakukan pengikut Parti Komunis Indonesia dengan menangkap, menahan, dan menyeksa penduduk yang tidak sehaluan dengan mereka yang kemudiannya menimbulkan kemarahan rakyat. Di belahan Malaysia, novel *Juara* pula memerikan kebangkitan rakyat akibat rasa tidak puas hati mereka terhadap pemimpin yang ada. Tuntasnya, penekanan perbincangan penulis dalam bab ini tertumpu kepada kemunculan konflik politik dan kesannya terhadap rakyat. Akibat tekanan dan penderitaan yang dialami itu menimbulkan kesedaran dalam kalangan rakyat untuk bangkit menentang segala yang tidak saksama atau tidak selayaknya menimpa mereka. Penentangan terhadap kepimpinan atau pemerintah yang dilakukan kumpulan penentang atau pemberontak turut memberikan kesan terhadap masyarakat.

Bab enam yang merupakan bab penutup buku *Novel Berunsur Politik Kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian Bandingan* ini, menawarkan penemuan dan kesimpulan penelitian. Dalam bab ini penulis membandingkan permasalahan politik yang wujud di kedua-dua buah negara menerusi novel yang ditelaah. Kemudian diperlihatkan kaedah penyelesaian yang dipilih para pengarang terbabit. Antara kesimpulan dan tanggapan keseluruhan tulisan ini, penulis memberi penekanan kepada keperluan bagi golongan penggubah karya kreatif seperti novelis agar prihatin dan peka dengan permasalahan politik yang berlaku di sekitar mereka. Ia ternyata menjadi bahan penting dalam penghasilan sesebuah karya sastera, digabung dengan imaginasi dan kreativiti pengarang. Penulis turut menyarankan agar latar pergelutan politik yang berlaku di sekitar pengarang dapat dimanfaatkan dan diolah dalam bentuk karya sastera sebagai renungan yang dalam dan serius. Penaakulan dan tafsiran yang dilakukan masyarakat

secara sedar, rata-rata dapat membentuk nilai dan kehormatan yang positif dalam kalangan masyarakat.

Secara keseluruhannya, buku ini menampilkan satu perbincangan ilmiah dalam bidang kesusasteraan bandingan, khususnya melihat pertelingkahan politik yang dikemukakan para pengarang khususnya dalam genre novel di Malaysia dan Indonesia. Buku ini turut menyediakan perbincangan tentang hubungan antara sastera dengan politik yang saling berkait rapat. Kedua-duanya ternyata bertolak daripada pergerakan dan perlakuan manusia yang mengalami pertelingkahan akibat daripada pelbagai punca. Apa yang berlaku dalam mandala politik sesebuah wilayah lazimnya turut memberi kesan ke atas hasil kesusasteraan negara berkaitan. Berbekalkan sensitiviti dan kemahiran pengarang berkreaitif, khalayak sastera akan bertemu dengan pelbagai watak dan latar politik yang terlibat. Wajah politik sesebuah negara sering dapat diimbis dalam gubahan sastera bukan sahaja dalam genre novel yang mendominasi, sebaliknya cerpen, puisi malah drama. Ia menyatakan sukatan yang pekat antaranya terhadap mauduk pertentangan ideologi, per seteruan, perebutan dan perihal mempertahankan kuasa atau sebaliknya pengkhianatan yang terjadi. Seinggakan dipercayai bahawa sesebuah karya sastera dapat menjadi cerminan politik sesebuah wilayah. Itu yang berlaku dalam novel-novel pilihan penulis buku *Novel Berunsur Politik Kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian Bandingan*.

Ditinjau dari sudut strukturalnya, hubungan Malaysia-Indonesia memiliki masa depan yang cerah kerana sejak tahun 1965 kerajaan Malaysia dan Indonesia telah pun memeterai lebih seratus perjanjian persefahaman yang mencakupi pelbagai aspek melibatkan kepentingan bersama kedua-dua buah negara. Dalam konteks rekonsiliasi, hubungan Malaysia-Indonesia masih perlu diprihatinkan kerana tahap hubungan akrab dan intim dua negara serumpun ini tidak dapat bergantung kepada aspek struktural semata-mata. Oleh itu, dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, proses rekonsiliasi hubungan dua buah negara berjiran ini perlu diperluaskan dan diperdalamkan. Realiti politik semasa hubungan Malaysia-Indonesia memaparkan kemantapan dan keharmonian hubungan dua negara tidak dapat berdiri tegak atas faktor-faktor struktural semata-mata. Hubungan yang teguh di antara kedua negara berjiran ini amat memerlukan koherensi dari segi sosio-budaya dan integrasi kognitif dalam kalangan masyarakat di kedua-dua belah pihak.

Masalah kepada hubungan Malaysia-Indonesia sukar dirungkaikan sekiranya kecenderungan penjarakan sosial dan identiti yang sedang berkembang sekarang berterusan. Meskipun Malaysia-Indonesia memiliki persamaan yang banyak dari sudut bahasa, etnisiti, agama, budaya dan sejarah namun sangat ketara sekali, ada kecenderungan yang tinggi dikedua-dua belah pihak mewujudkan dikotomi di antara dua masyarakat. Perkembangan semasa mempamerkan dengan ketara bahawa meskipun di antara masyarakat di kedua negara memiliki banyak persamaan, tetapi masing-masing memberikan tumpuan yang kuat ke arah meluaskan jurang perbezaan. Koherensi dapat dicapai menerusi rekonsiliasi yang bersifat jangka panjang termasuklah mencari titik persamaan dalam kajian sastera khususnya novel bandingan sebagaimana yang diungkapkan Che Abdullah Che Ya dalam tulisan beliau ini.

Mohamad Rodzi Abd Razak  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
rodzi@ukm.edu.my